



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
TAHUN 2025**

30 OKTOBER 2025

**DEWAN SERBAGUNA
MENARA SERI WILAYAH**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة
وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين،
ربنا آتنا من لدنك رحمة، وهيئ لنا
من أمرنا رشدا، رب اشرح لي
صدري، ويسر لي أمري، واحلل
عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

- Ketua Pengarah, **Datuk Seri Noridah**
- **Datuk Ahmad Nizam** dari SPRM
[selamat datang ke Jabatan Wilayah Persekutuan]
- Ketua-ketua Agensi
- Rakan-rakan media
- Dan Warga Jabatan Wilayah Persekutuan serta agensi.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu mari kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Sambutan Hari Integriti peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan bagi tahun 2025.
2. Pada saya, sambutan seperti ini adalah ruang untuk kita memperbaharui tekad bahawa perkhidmatan awam di Wilayah Persekutuan ini perlu dan mesti menjadi contoh teladan yang baik kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

INTEGRITI SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN

Hadirin sekalian,

3. Apabila kita bercakap tentang pembangunan negara, kebiasaannya apa yang kita membayangkan adalah angka-angka ekonomi seperti KDNK, projek-projek mega atau pelaburan asing yang masuk ke dalam negara. Namun, sebenarnya ia adalah merentasi angka ekonomi semata-mata.

4. Adam Smith, yang sering digelar sebagai bapa ekonomi moden ada menulis tentang *Wealth of Nations* untuk menjelaskan bagaimana kekayaan negara itu terbentuk. Tetapi beliau juga ada menulis satu lagi buku iaitu *Theory of Moral Sentiments*, di mana pada karya tersebut beliau menegaskan bahawa ekonomi tidak boleh dipisahkan dari moral.

5. Beberapa pemikir ekonomi moden seperti Amartya Sen dan Thomas Piketty juga berpandangan bawa pembangunan itu seharusnya berteraskan apa yang kita sebut, keadilan sosial. Hakikatnya, jurang ketidaksamarataan itu adalah ancaman sebenar kepada kestabilan. Apa maknanya untuk kita? Maknanya, pembangunan pesat tanpa integriti itu hanya akan melahirkan segelintir yang kaya, sementara majoritinya akan terus kekal terpinggir.

[Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar selalu sebut, keadaan di mana yang kaya makin kaya, yang miskin papa kedana. Ini yang kita akan hadapi sekiranya integriti itu tidak dipertahankan]

6. Islam sendiri juga sudah menunjukkan teladan, di mana pada zaman Khalifah Umar Abdul Aziz memimpin Kerajaan Bani Umayyah sekitar 1,000 tahun yang lalu, beliau memimpin dengan penuh integriti dan tata kelola yang adil. Seheinggakan sejarah mencatatkan, tiada seorang rakyat beliau pun yang tergolong dalam miskin tegar pada zamannya. Inilah bukti bahawa apabila integriti dan tata kelola yang baik dijadikan teras pentadbiran, hasilnya bukan sekadar kekayaan material semata-mata, bahkan seluruh rakyat akan menikmati kemakmurannya.

7. Hari ini, di Wilayah Persekutuan juga kita perlu menegakkan prinsip yang sama. Ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, baik Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan perlu mencerminkan maruah negara, kerana kita ini adalah *miniature* kepada Malaysia. Kalau integriti kita goyah, maka kepercayaan rakyat akan ranap. Tetapi jika integriti kita teguh, inilah yang akan mengangkat kita menjadi Wilayah Persekutuan yang bermaruah dan Malaysia akan terus disegani di mata dunia.

BELANJAWAN MADANI 2026 BUKTI TATA KELOLA YANG BAIK SEDANG BERJALAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Sejak tahun 2022, keberanian Kerajaan MADANI untuk melaksanakan reformasi telah membuahkan penjimatan lebih 15 bilion ringgit. Bayangkan, 15 bilion ringgit yang dulunya bocor akibat ketirisan, kini kembali semula ke kantung negara. Itu bukan angka yang kecil, itu bermakna peluang besar untuk rakyat mendapat kemudahan yang lebih baik.

9. Dengan wang negara yang diselamatkan ini lah, kita boleh beri semula kepada rakyat melalui bermacam-macam inisiatif dan insentif yang diumumkan oleh Perdana Menteri sewaktu pembentangan Belanjawan MADANI baru-baru ini. Defisit fiskal negara pula dijangka menurun sehingga 3.5 peratus. Apa makna semua ini? Ini bermakna bahawa negara kita sedang berbelanja dengan bijaksana, tanggungjawab dan integriti.

10. Dan saya mahu terangkan di sini bahawa, ini bukan lah hanya sekadar angka yang tertulis di atas kertas dan dibaca sebagai teks Belanjawan semata-mata. Ini adalah hasil dan natijah yang sedang diterjemahkan kepada rakyat, di mana rakyat boleh menikmati subsidi yang lebih tersasar, projek pembangunan yang sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan dan perkhidmatan awam yang lebih responsif.

INTEGRITI BUKAN LESEN MENUTUP RUANG DISKUSI

Para hadirin sekalian,

11. Kadang-kadang saya perasan ada beberapa penjawat awam atau mungkin individu di luar sana salah faham tentang konsep integriti. Setiap kali ditanya atau diminta membuat satu-satu keputusan, jawapannya – tak boleh, tak sesuai dan tak wajar. Bila ditanya kenapa, jawapannya terkait integriti. Seolah-olah integriti itu hanya lesen untuk menutup segala ruang dan pintu yang ada untuk diskusi. Mereka lebih kepada ingin menjadi *gate keeper*, tanpa *facilitate*. Ini tidak betul.

12. Kalau semua benda dijawab dengan tidak, maka sistem kita ini tidak akan bergerak ke hadapan. Integriti bukan tembok yang menyekat. Integriti itu adalah kompas moral. Dan kompas tidak pernah menghalang kita untuk bergerak. Kompas hanya memastikan kita tidak sesat, supaya setiap langkah kita menuju destinasi yang betul.

13. Inilah yang perlu kita fahami — integriti sepatutnya memberi keberanian kepada kita, bukan ketakutan. Ia memberi kita kekuatan untuk berkata “ya” kepada perkara yang benar, sah dan memberi manfaat kepada rakyat. Pada masa yang sama, ia juga memberi kita ketegasan untuk berkata “tidak” apabila sesuatu itu jelas menyeleweng daripada undang-undang dan nilai.

14. Maka di sinilah datangnya pasangan kepada integriti, iaitu akauntabiliti. Akauntabiliti memastikan setiap keputusan yang kita buat dapat dijelaskan, diteliti dan dipertanggungjawabkan. Dengan integriti dan akauntabiliti inilah barulah sistem kita bergerak dengan berani, tetapi dalam keadaan yang terkawal.

15. Jadi, saya mohon semua warga kerja di Wilayah Persekutuan faham mesej ini dengan jelas. Jangan jadikan integriti alasan untuk mengelak daripada bekerja. Jangan sembunyikan kelemahan kita di balik kata-kata “integriti”. Integriti seharusnya menjadi pendorong untuk kita berani membuat keputusan, kerana keputusan itulah yang akan membina keyakinan rakyat kepada kita.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

16. Walau bagaimanapun, perlu juga untuk saya ucapkan tahniah kepada semua atas segala langkah yang telah digerakkan, antaranya penguatkuasaan yang semakin telus, perkhidmatan yang semakin didigitalkan dan birokrasi yang semakin dipermudahkan. Semua ini bukan hanya retorik, ini adalah perubahan nyata yang perlu memberi kemudahan dan kesan terus kepada rakyat.

17. Walau banyak kejayaan yang kita capai, musuh integriti itu tetap ada di luar sana. Sindiket, kartel, salah guna kuasa – semua ini masih lagi berlegar di luar sana. Dan disinilah kita perlu lebih tegas. Saya ulang: kita mesti tegas. Integriti bukan kosmetik semata-mata, kita perlu terjemahkannya dalam tindakan yang kita laksanakan.

18. Tidak ada sesiapa pun yang boleh berlindung di sebalik kedudukan tinggi untuk mengelak daripada undang-undang. Jawatan bukan kebal, pangkat bukan perisai. Hanya integriti yang sebenar akan menyelamatkan kita. Peranan kita semua adalah untuk memastikan reformasi yang sedang kita laksanakan dalam negara ini berpaksikan nilai, moral dan tekad yang kuat. Inilah roh MADANI yang perlu kita jayakan bersama.

19. Saya yakin, dengan iltizam seluruh warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi, kita mampu mengangkat martabat Wilayah Persekutuan sebagai model integriti dan tata kelola terbaik di negara ini, demi kesejahteraan rakyat dan masa depan Malaysia yang lebih cemerlang.

Terima kasih, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.